

# MALAM PENGANUGERAHAN FBME 2013

Pada 11 Mei 2013 telah berlangsungnya satu MAJLIS PENGANUGERAHAN FBME yang bertempat di Dewan Sultan Iskandar, DSI. Seramai 350 peserta daripada Fakulti Biosains Dan Kejuteraan Perubatan, FBME telah turut serta dalam majlis makan malam ini. Majlis ini bertemakan "Tie and Ribbon" telah mendapat sambutan yang hangat daripada mahasiswa FBME.



Prof. Jasmi turut bersama di meja VIP



Sebahagian mahasiswa FBME yang diraikan pada Malam Penganugrahan FBME 2013



Dr. Shafinaz menyampaikan anugerah kepada pelajar terbaik 1SQBS

Majlis ini mendapat sokongan daripada dekan Fakulti Biosains Dan Kejuteraan Perubatan dan juga daripada staff akademik mahupun bukan akademik. Dekan Fakulti Biosains Dan Kejuteraan Perubatan, Prof Jasmi Bin Yunus telah merasmikan majlis ini serta turut menyampaikan beberapa anugerah yang telah dipertandingkan. Antara anugerah yang disenaraikan adalah pelajar terbaik setiap kursus, program terbaik kelab akademik fakulti, SymbIOSiS dan BIOMESHs serta 'FBME King and FBME Queen' dan 'FBME Prince and FBME Princess'.



Persembahan daripada mahasiswa tahun 3

MALAM PENGANUGERAHAN FBME yang di anjurkan oleh kelab SymbIOSiS dengan kerjasama kelab BIOMESHs ini, diarahkan oleh saudari NORFARAH SYUHAI DAH MOHD NOOR. Seramai 30 ahli jawatankuasa yang terdiri daripada ahli kelab SymbIOSiS dan BIOMESHs telah berpadu tenaga dalam menjalankan program ini. Antara pengisian majlis ini adalah persembahan daripada wakil mahasiswa FBME, penyampaian anugerah, cabutan bertuah dan jamuan makan malam. Objektif utama majlis ini adalah untuk merapatkan ukhwa h antara mahasiswa FBME sejurus dengan pengabungan antara dua fakulti iaitu, FBB dan FKBSK selain daripada meraikan mahasiswa FBME.



FBME KING and QUEEN serta FBME PRINCE and PRINCESS